

Senamrobik Pangkalan Udara Kuantan



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/454-senamrobik-pangkalan-udara-kuantan

KUANTAN, 8 Jan 16 – Pejabat Latih Pangkalan dengan kerjasama Pejabat Jasmani Pangkalan telah menganjurkan Senamrobik bertempat di Padang Polo Pangkalan.

Program senamrobik ini telah dihadiri oleh semua warga Pangkalan. Turut hadir ialah Komander Pangkalan YBhg Brig Jen Dato' Hj Yazid bin Hj Arshad TUDM.

Senamrobik ini diketuai oleh Cik Muswati bt Mohd Sani dan rakan-rakan dari Klinik dearah Pekan yang dijemput khas untuk memberi tunjuk ajar dan mengelola program tersebut .

Diharapkan program ini dapat mengurangkan sedikit tekanan setelah melalui minggu yang padat dengan kerja dan aktiviti yang berlangsung disamping dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama warga Pangkalan.



